

# Syaraham Umum Profesor

## rungkai sejarah legasi Islam di Negeri Pahang



Dekan Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan (PBMSK), Universiti Malaysia Pahang (UMP) Profesor Dr. Abd. Jalil Borham berkongsi penyelidikannya dalam menjejaki tapak terawal legasi Islam di Malaysia bersempena Majlis Syarahan Profesor bertemakan “Wadah Transformasi Jati Diri Umat Gemilang” yang berlangsung di Dewan Astaka pada 12 Mac yang lalu.

Menurut Profesor Dr. Abd. Jalil, kajiannya mengenai kedatangan Islam dan perkembangannya di Alam Melayu khususnya di negeri Pahang ini membuktikan negeri Pahang menerima kedatangan Islam di rantau ini lebih awal apabila menemui catatan di batu nisan di Kampung Permatang Pasir, Pulau Tambun Pecan.

“Tertera di batu nisan itu waktu Subuh, Rabi’ul Awal 419 H (1028M) berserta beberapa potongan ayat Al-Quran dan syair Arab dan sekiranya dibuat perbandingan dengan tarikh pada batu bersurat di Terengganu adalah 702H (1302M) bermakna negeri ini lebih awal menerima kedatangan Islam,” katanya yang mengatakan lokasi ini letaknya beberapa kilometer sahaja daripada kampus UMP di Pekan Pahang.

Begitu juga tentang sejarah Lubuk Pelang yang merupakan sebuah pusat pengajian yang diiktiraf Kerajaan Melayu Nusantara menunjukkan pada tahun 1640, Hamzah Fansuri telah pergi ke tempat ini yang

letaknya di Bukit Ketupat di Jerantut untuk mendalami ilmu Hakikat dan Tasawuf.

Tambah beliau, kajian pengesanan ini telah dilakukan oleh tiga individu yang dianggap penting iaitu, Zakaria Hitam, Halim Nasir dari Muzium Negara, bekas Kadi Kuantan, Haji Sulaiman Husain dan Ustaz Haji Abdul Wahab Haji Abdullah yang merupakan Nazir Sekolah-sekolah Menengah Agama Pahang.

Justeru, pihaknya akan bekerjasama dengan pihak muzium dalam memastikan fakta yang ditemui ini dapat disahkan dalam catatan sejarah.

Program syarahan umum ini dirangka setiap tahun bagi menyalurkan pengetahuan serta menemukan tokoh-tokoh terkemuka dari dalam dan luar negara kepada masyarakat. Ianya memberi peluang kepada ahli akademik untuk berkongsi maklumat dan ilmu pengetahuan kepada semua dengan menyebarkanluaskannya melalui Majlis Syarahan Umum ini.

Lebih 500 tetamu hadir dalam majlis yang turut dihadiri Naib Canselor UMP, Profesor Dato’ Dr. Daing Nasir Ibrahim, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato’ Dr. Mortaza Mohamed, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato Dr. Yuserrie Zainuddin dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dr. Mashitah Mohd. Yusoff.

